

PLUS RINTIS PROJEK SISTEM PEMBAYARAN TOL TERBUKA ANPR PERTAMA DI MALAYSIA DENGAN KEBEBASAN LORONG DI HUTAN KAMPUNG–SUNGAI DUA

Petaling Jaya, 9 Januari 2026: Pengguna Lebuhraya Utara-Selatan kini bebas menikmati “kebebasan lorong” menerusi Sistem Pembayaran Tol Terbuka berasaskan Pengecaman Nombor Plat Automatik (ANPR), apabila PLUS Malaysia Berhad (PLUS) memperkenalkan projek rintis bagi kenderaan persendirian di jajaran Hutan Kampung–Sungai Dua. Inisiatif ini menandakan satu pencapaian penting dan langkah awal pertama ke arah pelaksanaan sistem “Multi Lane Free Flow” (MLFF) di lebuhraya Malaysia.

Menerusi inisiatif ini, pengguna berdaftar tidak lagi terikat kepada lorong khas tertentu, sebaliknya boleh memasuki dan keluar melalui mana-mana lorong tol di sembilan plaza tol iaitu Hutan Kampung, Alor Setar Utara, Alor Setar Selatan, Pendang, Gurun, Sungai Petani Utara, Sungai Petani Selatan, Bertam dan Sungai Dua. Meliputi jarak 87.7 kilometer, fasa pertama ini dijangka melancarkan aliran trafik di plaza tol serta mengurangkan risiko pertukaran lorong saat akhir.

Kamera ANPR yang dipasang di plaza tol akan mengesan nombor plat kenderaan bagi membolehkan caj tol diproses secara automatik melalui platform pembayaran mudah alih yang dipautkan kepada kaedah pembayaran pilihan pengguna. Disokong oleh kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin, sistem ini direka untuk mengenal pasti kenderaan dalam pelbagai keadaan termasuk cuaca, kelajuan, sudut pandangan serta nombor plat tidak standard, dan akan terus meningkatkan tahap ketepatan dari semasa ke semasa.

Untuk menggunakan sistem ini, pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi mudah alih JustGO Malaysia, mendaftarkan kenderaan, menghubungkan kaedah pembayaran pilihan seperti kad debit atau kredit, dan memandu seperti biasa, tanpa memerlukan sebarang peranti tambahan serta tanpa kos pendahuluan kepada pengguna.

Aplikasi mudah alih ini dibangunkan sebagai platform pembayaran digital terbuka yang dirancang untuk dimiliki bersama oleh industri lebuhraya, sekali gus memperluas pilihan pembayaran tol selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan kaedah pembayaran yang lebih fleksibel kepada pengguna. Kaedah pembayaran tambahan seperti e-dompet dan perbankan dalam talian akan diperkenalkan dalam tempoh terdekat.

Selain urusan pembayaran tol, aplikasi JustGO Malaysia turut menyediakan kemudahan e-invois untuk memudahkan urusan pengguna. Sementara itu, kaedah pembayaran tol sedia ada seperti Touch 'n Go, SmartTAG dan RFID masih boleh digunakan seperti biasa.

Sejak September 2024, PLUS telah menjalankan ujian sistem pembayaran ANPR secara menyeluruh. Hasil ujian menunjukkan pengesanan yang lebih pantas berbanding sistem tol sedia ada berikutan hasil liputan kamera yang lebih luas di plaza tol. Ujian ini dilaksanakan dengan kerjasama rapat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta konsesi lebuhraya lain.

Sepanjang tempoh pelaksanaan projek rintis, palang tol akan kekal digunakan. Pengguna dinasihatkan untuk mengekalkan kelajuan antara 20 hingga 25 km/j ketika melalui plaza tol tanpa perlu berhenti.

PLUS menjemput pengguna lebuhraya di laluan Hutan Kampung hingga Sungai Dua untuk mencuba sistem ini dan menikmati kemudahan kebebasan lorong, e-invois serta pilihan pembayaran menggunakan kad debit dan kredit tanpa kos pendaftaran tambahan.

Untuk maklumat lanjut atau bantuan, layari justgo.com.my atau e-mel contact@justgo.com.my.

– TAMAT –

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

Nadirah H. Rodzi Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Nurdayana Afiqah Azahari Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon bimbit: 018-244 8288 Emel: nurdayana.azahari@plus.com.my
---	---